



BULETIN MOT

Memacu Pengangkutan MADANI & Lestari | Sorotan Aktiviti, Program & Inisiatif Jan-Jun 2025



30 JUN 2025

Pengenalan Tren Pertama RTS Link Johor Bahru Singapura



14 JAN 2025

Kempen
Keselamatan Jalan Raya
AMI-Suzuki 2025



02 MEI 2025
MOT Terima Anugerah
Majikan Prihatin Peringkat
Persekutuan CUEPACS 2025



24 JUN 2024

Majlis Pelancaran
Transport Expo Asia (TXA)
2025

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara

Sustainable Transport the Heart Of National Development

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT BAHARU JABATAN PENGANGKUTAN JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

02 JANUARI 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan merasmikan Pejabat Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Putrajaya yang menjadi satu simbol perubahan, bukan sekadar dari segi infrastruktur tetapi juga tanggungjawab untuk memastikan perkhidmatan JPJ menjadi lebih cekap, responsif, dan memenuhi kehendak rakyat.



Pejabat baharu ini menawarkan kemudahan moden yang lebih kondusif dengan kapasiti lebih besar bagi menampung bilangan pelanggan. Jumlah perkhidmatan ditawarkan di cawangan ini juga diperluaskan daripada 27 jenis urus niaga kepada 106 seterusnya menjadikan pejabat ini setaraf dengan pejabat JPJ negeri yang mencerminkan peningkatan kemampuan JPJ dalam memenuhi keperluan rakyat.

MAJLIS PERJUMPAAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA KEMENTERIAN

03 JANUARI 2025 - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh penjawat awam dalam Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI. YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Warga Kementerian Pengangkutan termasuk Barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOT turut hadir secara atas talian di jabatan dan agensi masing-masing.



Dalam amanat YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim memberikan penghargaan kepada penjawat awam kerana berjaya mempertahankan prestasi yang membanggakan sepanjang tahun lalu. Beliau menegaskan peranan penjawat awam sebagai pemangkin kemajuan negara, dengan menyeru agar mereka terus berusaha meningkatkan prestasi dan mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Beliau juga turut menekankan kepentingan memberikan peluang latihan kepada generasi penjawat awam muda, terutamanya dalam bidang Transformasi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI). Langkah ini bertujuan memastikan penjawat awam memiliki kemahiran yang relevan dan mampu bersaing di peringkat global.





MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025 YB MENTERI PENGANGKUTAN


6 JANUARI 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 YB Menteri Pengangkutan yang diadakan di Dewan Serbaguna MOT. Dalam amanat Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bagi tahun 2025 ini, MOT akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pengangkutan yang inklusif, mampan, dan berdaya saing, selari dengan prinsip-prinsip Malaysia MADANI yang sentiasa ditekankan oleh YAB Perdana Menteri (PMX). Antara 6 fokus utama adalah:



1. Meningkatkan ketersambungan, kebolehpasaran dan kebolehpercayaan;
2. Mengaplikasikan Artificial Intelligence (AI) dan mendigitalisasi;
3. Memperkukuhkan keselamatan jalan raya;
4. Membudayakan penggunaan pengangkutan awam;
5. Memfokus kepada kemampanan dan kelestarian alam sekitar dan
6. Meningkatkan hasil Kerajaan.

SIDANG MEDIA PENGUMUMAN PERUBAHAN JADUAL WAKTU KTM KOMUTER LALUAN PELABUHAN KLANG – KL SENTRAL – PELABUHAN KLANG BAGI PROJEK KVDT2

10 JANUARI 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengumumkan perubahan jadual perkhidmatan KTM Komuter bagi Laluan Pelabuhan Klang – KL Sentral dalam satu sidang media yang berlangsung di KL Sentral. Perubahan ini merupakan sebahagian daripada usaha KTMB untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan sambil memenuhi keperluan pelaksanaan Projek KVDT2. Melalui jadual baharu ini, perjalanan dari Pelabuhan Klang ke KL Sentral akan dilaksanakan menggunakan tren setiap 30 minit pada waktu puncak pagi. Pada waktu lain, perkhidmatan bas dengan kekerapan yang sama akan menggantikan tren. Bagi perjalanan dari KL Sentral ke Pelabuhan Klang, tren akan beroperasi setiap 30 minit pada waktu puncak petang, manakala pada waktu lain, perkhidmatan bas akan mengambil alih dengan kekerapan yang sama.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) LALUAN MUTIARA PULAU PINANG

11 JANUARI 2025 - YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri sukacitanya telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara Pulau Pinang di Bandar Sri Pinang. Majlis pecah tanah Projek LRT Laluan Mutiara ini menandakan bermulanya babak baharu yang transformatif bagi rangkaian pengangkutan awam negeri tersebut. Dengan adanya projek ini, ia dijangka dapat memperkukuh hubungan serantau, meningkatkan mobiliti, dan menyokong pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang untuk dekad-dekad akan datang. Dijadualkan mula beroperasi pada Disember 2031, LRT Laluan Mutiara akan dapat mewujudkan ribuan peluang pekerjaan, menarik pelaburan yang besar, dan meningkatkan kualiti hidup penduduk Pulau Pinang.



Projek Laluan LRT Mutiara akan merangkumi jarak keseluruhan sepanjang 29.5 kilometer, dengan 21 stesen yang terletak secara strategik. Dengan LRT Laluan Mutiara ini, penumpang dapat menikmati perjalanan yang mudah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Penang Sentral untuk bertukar ke perkhidmatan ETS & Komuter atau perjalanan terus ke Komtar, hab pertukaran utama untuk laluan metro masa depan.

YBHG. KSU TURUN PADANG MENINJAU OPERASI BERSEPADU 'GEMPUR TEKNIKAL' KENDERAAN PERDAGANGAN

11 JANUARI 2025 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengeluarkan 22,201 notis ke atas kenderaan perdagangan dalam Operasi Khas 'Gempur Teknikal' yang dijalankan di seluruh negara bagi tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap kenderaan yang gagal mematuhi peraturan.



YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia telah turun padang meninjau Operasi Bersepadu 'Gempur Teknikal' Kenderaan Perdagangan yang dijalankan di Plaza Tol Sungai Dua (Arah Selatan).



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

MAJLIS PENYERAHAN TREN ETS CLASS 93 BAGI PROJEK "MAINTENANCE, REPAIR & OVERHAUL" (MRO) KEPADA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

17 Januari 2025

MAJLIS PENYERAHAN TREN ETS CLASS 93 BAGI PROJEK "MAINTENANCE, REPAIR & OVERHAUL" (MRO) KEPADA MOT

20 JANUARI 2025 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah merasmikan Majlis Penyerahan Tren ETS Class 93 Bagi Projek "Maintenance, Repair & Overhaul" (MRO) Kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) bertempat di Depoh EMU KTMB Seremban, Negeri Sembilan. Majlis ini menandakan pencapaian penting dalam transformasi industri rel di Malaysia di mana pencapaian ini menekankan komitmen Destini Berhad (Destini), syarikat induk kepada M Rail Technics Sdn Bhd (RAILTEC) dalam memajukan usaha Malaysia menuju keupayaan penyelenggaraan rel yang berdikari, serta menyerlahkan peranan penting Kumpulan dalam meningkatkan infrastruktur rel negara. Ini selaras dengan inisiatif berterusan Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan MRO dan teknologi terkini demi memastikan perkhidmatan rel negara kekal efisien, selamat, dan kompetitif di peringkat serantau dan global.

MAJLIS PENYERAHAN BAS BAHARU SCANIA GENERASI EURO 5 DUA TINGKAT EKSPRES YANG DILENGKAPI DENGAN SISTEM BANTUAN PEMANDU LANJUTAN (ADAS) KEPADA SYARIKAT PERDANA EKSPRES SDN BHD

22 JANUARI 2025 - Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menyempurnakan penyerahan bas baharu Scania generasi Euro 5 dua tingkat ekspres yang dilengkapi dengan Sistem Bantuan Pemandu Lanjutan (ADAS) kepada Syarikat Perdana Ekspres Sdn Bhd bertempat di Scania (Malaysia) Sdn Bhd, Shah Alam.



Penyerahan armada baharu koc ekspres dua tingkat Scania New Bus Generation Euro 5 yang dilengkapi dengan ADAS kepada Perdana Ekspres Sdn Bhd mencerminkan kerjasama yang kukuh serta berterusan pemain industri pengangkutan ke arah memastikan sistem pengangkutan yang lebih selamat dan mampan. Pencapaian ini sejajar dengan komitmen Malaysia untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, seperti yang digariskan dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030. Pelan berkenaan mensasarkan hasrat Malaysia sebagai sebuah negara yang menuju ke arah sifar kematian jalan raya.

MAJLIS PADUAN KASIH MADANI DAN PERHIMPUNAN BULANAN


05 FEBRUARI 2025 - Warga Kementerian Pengangkutan (MOT) hari ini hadir pada Majlis Paduan Kasih Madani dan Perhimpunan Bulanan yang disambut dalam suasana cukup sederhana dan diserikan lagi dengan persembahan tarian singa, acara gaul Yee Sang serta iringan musik tradisi cina. YB Loke Siew Fook dalam ucap terna berkata, Menurut Zodiak Cina, tahun ini merupakan Tahun Ular, di mana ular sering dikaitkan dengan kebijaksanaan, ketelitian, dan keupayaan untuk menyesuaikan diri.



Seiring dengan itu, beliau berharap agar warga MOT sentiasa memperkukuhkan kebijaksanaan dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil. Sebagai tanda kasih sayang serta penghargaan, YB Loke juga berbesar hati untuk memberikan “ang pau” kepada kanak-kanak taska MOT dan juga kepada warga emas daripada Persatuan Rumah Caring Kajang dengan diiringi oleh Timbalan Menteri YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah dan Ketua Setiausaha Dato’ Jana Santhiran Muniayan.

MAJLIS RESEPSI BAGI MERAIKAN KEHADIRAN WAKIL-WAKIL TERHORMAT NEGARA ANGGOTA IALA

05 FEBRUARI 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan Majlis Resepsi bagi meraikan kehadiran wakil-wakil terhormat dari Negara Anggota IALA, ahli IALA yang berdaftar di Malaysia, serta pihak berkepentingan utama dalam sektor maritim.



Sebagai ahli aktif IALA sejak tahun 1962 dan Ahli Majlis yang komited sejak tahun 2002, Malaysia sekali lagi mengukuhkan komitmennya dalam mempertingkatkan keselamatan maritim di peringkat global. Dengan peralihan IALA kepada sebuah organisasi antara kerajaan, Malaysia berbesar hati untuk menawarkan diri sebagai calon buat pertama kalinya. Menerusi ucap terna oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, majlis ini menjadi platform untuk memperkukuh hubungan diplomatik, menggalakkan kerjasama strategik, serta meraih sokongan terhadap pencalonan Malaysia dalam pemilihan Majlis IALA yang akan datang.





MAJLIS PELUNCURAN MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW)

17 FEBRUARI 2025 - Majlis Peluncuran Malaysia Maritime Single Window (MMSW). MMSW merupakan inisiatif digital penting yang bertujuan meningkatkan kecekapan perdagangan maritim Malaysia. Sistem ini menyediakan platform digital tunggal yang menyelaraskan dan mendigitalkan proses pelepasan pelabuhan, sekali gus meningkatkan ketelusan, keberkesanan kos, dan mempercepatkan pergerakan kargo. MMSW juga mematuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).



MALAYSIA TERPILIH SEBAGAI AHLI MAJLIS IALA

20 FEBRUARI 2025 - Kami dengan bangganya mengumumkan bahawa Malaysia telah berjaya dipilih sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Antarabangsa bagi Bantuan Pelayaran Maritim (IALA) bagi penggal 2025–2027! Pencapaian ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam mempertingkatkan keselamatan maritim global dan memajukan penyelesaian pelayaran yang lestari.



Terima kasih kepada semua Negara Anggota atas sokongan yang diberikan. Malaysia bersedia untuk menyumbang dan bekerjasama ke arah masa depan maritim yang lebih selamat dan efisien.

MAJLIS PERASMIAN PERKHIDMATAN BAS.MY IPOH

24 FEBRUARI 2025 - Perkhidmatan BAS.MY Ipoh yang diberikan nafas baharu kini dilengkapi kemudahan moden selain mesra warga emas serta orang kurang upaya (OKU). Antara penambahbaikan lain termasuk kamera litar tertutup (CCTV) serta pas perjalanan tanpa had yang lebih menjimatkan kepada orang ramai.



Menurut Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) di Ipoh yang bermula 2016 itu telah disambung hingga 2029. "Pelbagai penambahbaikan termasuk jenis bas, tambahan laluan, sistem pembayaran terbuka, kad konsesi dan kad bulanan". Kad Konsesi BAS.MY pula menawarkan tambang percuma kepada warga emas berusia 60 dan ke atas. OKU dan pelajar sekolah berumur 7 sehingga 17 tahun, dan kini diperluas kepada golongan mahasiswa universiti, politeknik dan kolej komuniti.

MESYUARAT KUMPULAN PAKAR MENGENAI PELAN STRATEGIK BAGI MENINGKATKAN INTEROPERABILITI REL

25-26 FEBRUARI 2025 - ASEAN dengan kerjasama United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menganjurkan "Expert Group Meeting on Strategic Plan on Enhancing Rail Interoperability" di Kuala Lumpur, Malaysia. Mesyuarat itu dianjurkan di bawah Projek "Leveraging Trans-Asian Railway for efficient and resilient transport network in ASEAN and beyond" untuk menyokong Negara Anggota ASEAN dalam memanfaatkan potensi pembangunan rel baru-baru ini dan terancang di Asia Tenggara.



Mesyuarat ini membincangkan mengenai penemuan utama, cadangan dan mekanisme pelaksanaan Pelan Strategik yang dijangka akan dimuktamadkan menjelang Suku 4, 2025. Mesyuarat ini juga akan meneliti kemajuan projek yang boleh dilaksanakan dan mengenal pasti bidang keutamaan untuk pembangunan kapasiti bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran rel dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.





MAJLIS PELANCARAN PAPAN PEMUKA PRESTASI SYARIKAT PENERBANGAN DAN LAPANGAN TERBANG

25 FEBRUARI 2025 - Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) hari ini mengadakan majlis bagi memaparkan kemajuan terkini dalam industri penerbangan negara melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa. Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah menekankan kepentingan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan usaha mendapatkan kerusi dalam Majlis ICAO bagi penggal 2025-2028.



Beliau turut menggesa industri untuk terus memodenkan infrastruktur syarikat penerbangan dan lapangan terbang, menarik lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa, serta melabur dalam pendigitalan dan inisiatif mampan. MAVCOM turut mengumumkan pelancaran Papan Pemuka Prestasi Syarikat Penerbangan dan Lapangan Terbang bermula pada 1 April 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam industri penerbangan. Langkah ini sejajar dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam sektor penerbangan global.

MAJLIS PELANCARAN PLATFORM E-PELESENAN CAAM, ECLIPSE

25 FEBRUARI 2025 - Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah melancarkan platform e-pelesenan CAAM, eCLIPSE, untuk Kakitangan Penerbangan yang buat julung kalinya diperkenalkan di Malaysia. Platform ini merupakan yang pertama di Asia Tenggara, direka khas bagi memantapkan lagi proses pelesenan bagi krew penerbangan, kakitangan penyelenggaraan serta pengendali lalu lintas Udara yang membolehkan peningkatan kebolehpasaran pelesenan yang lebih efisien.



Transformasi digital ini merupakan satu langkah penting bagi pengoperasian CAAM dalam memberikan perkhidmatan berkualiti bagi komuniti penerbangan negara.

MAJLIS PELUNCURAN OPERASI LOKOMOTIF GERABAK PAJAKAN SECARA "PAY-AS-USE" UNTUK PERKHIDMATAN KERETA API

27 FEBRUARI 2025 - Inisiatif pajakan lokomotif dan wagon secara "Pay-As-Use" didorong oleh nilai tambah pengangkutan rel yang membawa kepada kecekapan dan keberkesanan kos pengendalian logistik serta keupayaan mengangkut muatan barangan dalam kuantiti yang besar dan selamat.



la turut memperkasakan pengeluar dan pemain industri rel tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar selari dengan komitmen kerajaan dalam menyokong industri rel tempatan lantas memperkukuh keupayaan industri nasional selain dari mod pengangkutan rendah karbon seiring dengan agenda Kerajaan dalam mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

LATIHAN AI4MOT SEMENA PROGRAM AI FOR MALAYSIA'S FUTURE (AI FOR MY FUTURE)

08 MAC 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengadakan Latihan AI4MOT dengan kerjasama Syarikat Pepper Labs yang merupakan sebahagian daripada Program AI For Malaysia's Future (AI For MY Future), satu kolaborasi di antara Microsoft dan Pepper Labs bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kecerdasan buatan (AI) untuk 200,000 rakyat Malaysia secara percuma termasuk penjawat awam.



Sesi Latihan bersama MOT ini dikendalikan oleh En. Nandagobalan Vengettasamy atau lebih dikenali sebagai Coach Nanda, memfokuskan kepada meningkatkan kemahiran serta pengetahuan warga MOT berhubung AI dalam bidang pekerjaan. Latihan tersebut disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, YBhg. Dato' Normah Binti Osman dan Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, YBrs. Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid bersama hampir 40 warga MOT.





TEMPAHAN SLOT BERGANDA UNTUK URUSAN DI PUSPAKOM TIDAK LAGI DIBENARKAN KEPADA PEMILIK KENDERAAN

11 MAC 2025 - Tempahan slot berganda untuk urusan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) tidak lagi dibenarkan kepada pemilik kenderaan sekali gus menutup ruang salah guna oleh orang tengah atau 'runner' untuk mengaut keuntungan. Langkah ini diambil oleh PUSPAKOM memandangkan sebelum ini terdapat orang tengah atau 'runner' yang didapati menjual slot pemeriksaan yang ditempah kepada pihak lain demi keuntungan berlebihan. PUSPAKOM akan menambah baik sistem tempahan dengan membekukan slot pemeriksaan asal sekiranya ia ditunda ke tarikh lain. Ia bertujuan mengelakkan slot asal daripada disalahguna atau dijual kepada pihak lain.



Kementerian Pengangkutan (MOT) turut mengambil beberapa langkah lain untuk membantu PUSPAKOM dan pemilik kenderaan dalam menangani isu kesesakan dan kesukaran mendapatkan slot pemeriksaan termasuklah akan memperkenalkan konsep deklarasi sendiri terhadap beberapa bahan pemeriksaan yang tidak membabitkan aspek keselamatan.

MAJLIS PELUNCURAN KIOSK SENTUHAN MADANI KL SENTRAL

13 MAC 2025 - Kerajaan komited dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam melalui konsep Perkhidmatan MADANI, yang menekankan kecekapan, ketangkasan serta kolaborasi. Menyedari cabaran rakyat dalam mengakses perkhidmatan kerajaan, inisiatif Kiosk Sentuhan MADANI (KSM) diperkenalkan untuk menyediakan perkhidmatan digital kerajaan di lokasi strategik dengan waktu operasi lebih fleksibel.



Pelancaran KSM kedua di KL Sentral hari ini menyediakan akses mudah kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan seperti JPJ, KWSP, Pos Malaysia, TNB, ASNB, dan MyDigital ID. Program ini juga melibatkan pertukaran topi keledar oleh JPJ dan pengagihan bubur lambuk sempena Ramadan, yang memberi manfaat kepada masyarakat. Kerjasama antara sektor awam dan swasta memperlihatkan pendekatan menyeluruh dalam merealisasikan agenda pendigitalan negara.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MOT BAGI MAC 2025 DAN PROGRAM IHYA' RAMADAN MOT

19 MAC 2025 - Majlis Perhimpunan Bulanan MOT bagi Mac 2025 dan Program Ihya' Ramadan MOT hari ini menekankan kepentingan Ramadan dalam membentuk keinsafan, ketakwaan, dan memperkukuh perpaduan dalam kalangan warga kementerian. Sepanjang Februari, MOT telah mencapai pelbagai kejayaan, termasuk peningkatan penggunaan pengangkutan awam sempena Thaipusam, peluasan program BAS.MY, kemajuan projek RTS Link, serta pelaksanaan inisiatif pendigitalan seperti Malaysia Maritime Single Window (MMSW) dan e-pelesenan oleh CAAM.



Menjelang Aidilfitri, MOT terus bersiap sedia dengan langkah proaktif bagi memastikan kelancaran perjalanan rakyat, termasuk penambahan perkhidmatan bas, tren, dan feri percuma serta pemberian subsidi tiket penerbangan. YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, turut mengajak seluruh warga MOT untuk terus berkhidmat dengan dedikasi serta mengucapkan Selamat Menyambut Aidilfitri kepada semua warga MOT yang beragama Islam.

MAJLIS IFTAR BERSAMA MEDIA

20 MAC 2025 - Dalam suasana Ramadan yang penuh keberkatan, Kementerian Pengangkutan berbesar hati meraikan rakan-rakan media yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan berinformasi kepada masyarakat. Majlis Iftar Bersama Media yang dianjurkan oleh YB Menteri Pengangkutan pada hari ini di Putrajaya bukan sekadar sebuah kesempatan untuk berbuka puasa bersama, tetapi juga simbol penghargaan terhadap dedikasi dan komitmen anda semua dalam memastikan rakyat sentiasa mendapat berita yang sahih dan berimbang.



Sebagai tanda sokongan kepada rakan-rakan media, YB Menteri Pengangkutan turut menyampaikan sumbangan khas kepada Kelab Media Putrajaya sebagai penghargaan atas peranan mereka dalam memperkukuhkan penyampaian maklumat kepada masyarakat.





RAPID KL ON-DEMAND PERKENAL SISTEM PEMBAYARAN TERBUKA

27 MAC 2025 - Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) selaku pengendali perkhidmatan pengangkutan awam bas di Lembah Klang, Pulau Pinang serta Kuantan memperkenalkan mod pembayaran baharu melalui sistem pembayaran terbuka bagi perkhidmatan Rapid KL On-Demand bermula 27 Mac 2025. Penggunaan sistem pembayaran terbuka ini akan disediakan secara berperingkat dan dimulakan dengan tujuh (7) zon yang dilancarkan pada hari ini. Kesemua 20 van yang beroperasi bagi zon-zon baharu hari ini akan dilengkapi dengan mesin pengimbas bagi sistem pembayaran terbuka menggunakan kad debit atau kredit.

Kaedah pembayaran baharu ini bertujuan untuk memberi kemudahan dan meningkatkan kecekapan proses pembayaran bagi para pengguna. Dengan pilihan pembayaran baharu ini, pengguna tidak perlu risau jika baki kad Touch 'n Go mereka tidak mencukupi. Ini secara langsung turut meningkatkan lagi pengalaman pelanggan terhadap perkhidmatan Rapid KL. Perkhidmatan Rapid KL On-Demand kini telah beroperasi di 37 zon dengan 110 van secara keseluruhan bagi Rapid KL serta Rapid Penang. Menjelang Jun 2025, 320 buah van akan beroperasi untuk kesemua 101 zon-zon operasi yang telah dirangka.

Bagi van yang telah pun beroperasi sebelum ini, kerja-kerja mengintegrasikan sistem pembayaran terbuka ini akan berlangsung secara berperingkat dan dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Mei 2025.

MALAYSIA AMBIL BAHAGIAN SECARA AKTIF DALAM 19TH ISWG-GHG DAN 1ST ISWG-APEE

31 MAC - 04 APRIL 2025 - Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif dalam Mesyuarat Kumpulan Kerja Antara Sesi ke-19 mengenai Gas Rumah Kaca (ISWG-GHG 19) dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Antara Sesi pertama mengenai Perpindahan Tenaga Alternatif dan Elektrifikasi Pelabuhan (ISWG-APEE 1) yang telah berlangsung di Ibu Pejabat IMO di London, sebagai tanda sokongan padu Malaysia terhadap Strategi GHG IMO dan usaha global ke arah perkapalan yang lebih bersih dan lestari.



YBM MENINJAU PENGOPERASIAN KAUNTER JPJ MOBILE, MENYANTUNI MANGSA KEBAKARAN DI PUTRA HEIGHTS

03 APRIL 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah meninjau pengoperasian kaunter JPJ Mobile, menyantuni mangsa kebakaran serta melihat lokasi kebakaran di Putra Heights. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah membuka Kaunter Bergerak JPJ Mobile bagi memudahkan mangsa kebakaran mendapatkan gantian dokumen penting berkaitan kenderaan secara percuma di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Masjid Putra Heights.



JPJ menawarkan perkhidmatan antaranya cetakan gantian dokumen Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC), Lesen Kenderaan Motor (LKM), Lesen Memandu Malaysia (LMM) & Khidmat Nasihat berkaitan insurans kenderaan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) secara percuma kepada mangsa yang terlibat. Inisiatif ini adalah untuk meringkankan beban mangsa yang kehilangan dokumen kenderaan secara percuma akibat kebakaran.

PENYERAHAN 55 UNIT MOTOSIKAL KEPADA MANGSA YANG TERJEJAS DALAM INSIDEN LETUPAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS

08 APRIL 2025 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyempurnakan penyerahan 55 unit motosikal Yamaha Ego Avantiz sumbangan Spanco Sdn. Bhd. kepada mangsa yang terjejas dalam insiden letupan paip gas di Putra Heights.



Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut menguruskan dan memudahcara proses pendaftaran serta menyumbangkan topi keledar percuma kepada setiap para penerima. Kementerian Pengangkutan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Spanco Sdn. Bhd. atas sumbangan prihatin ini serta kepada Prasarana Malaysia Berhad atas penyediaan lokasi majlis yang berlangsung di Stesen LRT Putra Heights.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)



MAJLIS PERASMIAN MALAYSIA AND CHINA (GUANGXI) ECONOMIC AND TRADE COOPERATION PROMOTION CONFERENCE & DIALOGUE

12 APRIL 2025 - Malaysia and China (Guangxi) Economic and Trade Cooperation Promotion Conference & Dialogue yang telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan menekankan pengukuhan hubungan dua hala melalui projek seperti Laluan Rel Pantai Timur dan inisiatif "Dua Negara, Taman Berkembar". Kerjasama pelabuhan antara Kuantan dan Qinzhou telah meningkatkan aliran perdagangan dan keterhubungan serantau.

Malaysia mencadangkan kerjasama lebih mendalam dalam pengangkutan pintar, logistik, dan pembangunan pelabuhan dengan penggunaan teknologi seperti AI dan data raya. Usaha ini dijangka memberi manfaat bersama dan memperkukuh lagi hubungan ekonomi Malaysia-China ke arah masa depan yang lebih makmur.

PENUBUHAN JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MARITIM MALAYSIA (MALAYSIA MARITIME LAW REVISION AND REFORM COMMITTEE – MLRRC)

14 APRIL 2025 - YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniyan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mempengerusikan mesyuarat permulaan bagi membincangkan aspek tadbir urus serta peranan agensi dalam menjayakan objektif penubuhan Jawatankuasa Semakan dan Pembaharuan Undang-Undang Maritim Malaysia (*Malaysia Maritime Law Revision and Reform Committee – MLRRC*). Turut hadir ialah wakil Kerajaan Negeri Sarawak, Sabah serta agensi-agensi di bawah seliaan MOT.



Penubuhan MLRRC merupakan inisiatif strategik Kerajaan bagi menyemak dan memperbaharui undang-undang maritim negara agar kekal relevan, berdaya saing, serta melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan. Langkah ini selaras dengan amanat YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025 di bawah Ikhtiar 10: Reformasi Perundangan dan Institusi.



ICAO FACILITATION CONFERENCE 2025 (FALC 2025)

14-17 APRIL 2025 - YB Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengetuai delegasi Malaysia yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan pegawai kanan Kementerian Pengangkutan (MOT) bagi menghadiri ICAO Facilitation Conference 2025 (FALC 2025) di Doha, Qatar. Penyertaan delegasi Malaysia ke persidangan ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mendapatkan sokongan Negara-negara Pejanji ICAO terhadap pemilihan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO yang akan diadakan pada bulan September 2025 di Montreal, Kanada.



FALC 2025 merupakan salah satu daripada persidangan utama ICAO tahun 2025 yang melibatkan Menteri-Menteri bertanggungjawab kepada sektor penerbangan. Dalam hubungan ini, kehadiran Malaysia adalah penting bagi menunjukkan komitmen sebagai Ahli Majlis ICAO yang sentiasa terlibat secara aktif dan konsisten dalam program-program yang dianjurkan ICAO.

INISIATIF LIBERALISASI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI SEPANJANG KORIDOR KERETA API MILIK RAC

18 APRIL 2025 - YB Loke Siew Fook dalam ucapannya semasa Majlis Apresiasi dan Hari Terbuka Perbadanan Aset Keretapi (RAC) 2025 menegaskan bahawa pembangunan infrastruktur rel dan pemeraksanaan digitalisasi adalah pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan keterhubungan serantau. Pemeteraian MoU antara MOT dan Pentadbiran Kereta Api Negara China merupakan antara pencapaian penting yang membuka ruang kepada pemindahan teknologi, pembangunan bakat tempatan dan pelaksanaan projek berimpak tinggi.



Inisiatif ini dijangka menyumbang kepada pendapatan baharu, penyelenggaraan aset, penambahbaikan kemudahan OKU dan pembangunan stesen baharu serta menyokong usaha merapatkan jurang digital secara inklusif dan mampan yang disifatkan sebagai langkah strategik oleh RAC dalam memaksimumkan nilai aset negara serta memperkukuh infrastruktur digital sedia ada.





MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI JPJ KE-79

19 APRIL 2025 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-79 (SHJ79) di Ipoh, Perak bagi menghargai sumbangan warga JPJ dalam perkhidmatan dan keselamatan jalan raya. Bertemakan “Reformasi • Sinergi • Integriti”, JPJ menekankan transformasi digital, kerjasama strategik dan integriti organisasi.

Antara inisiatif baharu yang diumumkan ialah:

1. Pembayaran TnGO dalam MyJPJ – Mudahkan uruslesen dan saman.
2. Portal Rasmi Baharu JPJ – Reka bentuk moden dan chatbot interaktif.
3. Modul KPP01 seragam – Satu kelas teori untuk motosikal & motokar, berkuat kuasa Ogos 2025.
4. Aplikasi JPJeBid Mobile – Bidaan nombor pendaftaran kenderaan lebih mudah.
5. Nombor Siri Istimewa A___A – Dibuka untuk bidaan sempena SHJ79.



SESI SIMBOLIK PENYERAHAN KENDERAAN ELEKTRIK DAN HYBRID SERTA PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK KEPADA YBM

22 APRIL 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menyaksikan satu sesi Simbolik Penyerahan Kenderaan Elektrik dan Hybrid serta Pengecas Kenderaan Elektrik kepada YB Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook oleh UMW Toyota Motors, BYD Sime Motors dan juga Gentari Green Mobility Sdn. Bhd. yang merupakan usaha berterusan kerajaan dan pemain industri pengangkutan dalam mengurangkan kadar pelepasan karbon melalui penggunaan EV.



Pada masa yang sama, turut dilaksanakan sesi penyerahan prototaip Kenderaan Penguatkuasa Toyota Corolla Altis 1.8E untuk kegunaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). “Jom Pandu BYD Bersama MOT” merupakan kerjasama strategik bertempoh 6 bulan di mana 2 unit pengecas kenderaan elektrik telah dipasang di bangunan MOT oleh BYD Sime Motors dan dalam masa yang sama, MOT juga akan menggunakan kesemua model EV BYD bertujuan menguji inovasi kenderaan EV.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM LATIHAN PEMANDU LORI PENGANGKUT KERETA UNTUK PENGENDALIAN KERETA ELEKTRIK (EV)

24 APRIL 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) menyokong penuh usaha bagi menggalakkan lebih banyak kerjasama antara sektor awam dan swasta yang memfokuskan kepada penambahbaikan standard keselamatan, kesiapsiagaan industri dan penyertaan menyeluruh dalam peralihan kepada kenderaan elektrik (EV).



Kita perlu memperkasa, bukan sahaja pengeluar dan pengimport, tetapi juga transporter, petugas logistik, pengendali pelabuhan, agensi penguat kuasa dan yang paling utama – tenaga kerja kita. Pendekatan inklusif ini adalah amat penting. Menerusi inisiatif mewujudkan garis panduan EV and Battery Management Guidelines dan Program Latihan Pemandu Lori Pengangkut Kereta untuk Pengendalian EV, Northport telah membuktikan bahawa kerjasama strategik dan kolaborasi industri bersama pihak Kerajaan adalah kunci dalam memacu agenda EV negara.


PROJEK PENAMBAHBAIKAN DAN PENAIKTARAFAN LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH (LTSAS)

25 APRIL 2025 - YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan Projek Penambahbaikan dan Penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) Ipoh, Perak.



Teras utama kepada transformasi LTSAS melalui projek ini adalah reka bentuk semula susun atur terminal bagi menambah kapasiti pengendalian penumpang daripada 0.5 juta penumpang setahun (*million passenger per annum* – mppa) kepada 0.7 mppa setahun. Selain itu, penambahbaikan dan penaiktarafan LTSAS turut merangkumi penambahan keluasan terminal utama, penambahan bilangan fasiliti seperti kaunter imigresen, mesin pengimbas di balai ketibaan, kiosk layan diri dan penambahbaikan susun atur laluan penumpang.





MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA (MKJR) MALAYSIA

29 APRIL 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan selaku Pengerusi MKJR telah menegaskan kepentingan untuk menerima dan melaksanakan Pendekatan Sistem Selamat sepenuhnya. Pendekatan ini menuntut peralihan daripada menyalahkan kesilapan manusia semata-mata kepada penyediaan keseluruhan sistem jalan raya yang proaktif dalam melindungi pengguna, selaras dengan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Negara 2022–2030 yang menyasarkan pengurangan 50% kematian menjelang 2030.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia kali ini juga telah bersetuju dengan pelaksanaan tiga program utama MKJR iaitu:

1. Zon Sekolah Selamat – Lindungi anak-anak kita di persekitaran sekolah.
2. My Safe Road 2.0 – Intervensi berasaskan data untuk jalan raya yang lebih selamat.
3. Program Kepimpinan Keselamatan Jalan Raya – Melahirkan pemimpin komuniti yang proaktif dalam keselamatan jalan raya.

Setiap program yang dilaksanakan mesti berasaskan data dan bukti, bersasar, mempunyai impak yang jelas, serta melibatkan komuniti secara aktif dan berterusan.

PELANCARAN MY SAFE ROAD

29 APRIL 2024 - My Safe Road dilancarkan sebagai inisiatif berfokuskan keselamatan infrastruktur jalan raya dengan matlamat mengurangkan kematian dan kecederaan parah. Berlandaskan Pendekatan Sistem Selamat (SSA), program ini mengutamakan tindakan proaktif yang mempertimbangkan keselamatan semua pengguna jalan, termasuk penunggang motosikal, dengan sasaran mengurangkan risiko akibat kesilapan manusia.



Melalui kaedah seperti pengumpulan data, penilaian risiko, penarafan jalan, penguatkuasaan dan pendidikan, My Safe Road mengenal pasti kawasan berisiko tinggi secara sistematik – bukan hanya lokasi 'blackspot'. Pendekatan ini yang akan melibatkan kerjasama MKJR, PBT dan agensi teknikal akan membolehkan intervensi yang lebih bersasar dan berasaskan bukti di peringkat daerah.

MOT DIPILIH SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH

“MAJIKAN PRIHATIN PERINGKAT PERSEKUTUAN CUEPACS TAHUN 2025”

02 MEI 2025 - Sempena Sambutan Hari Pekerja Tahun 2025, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah dipilih sebagai penerima anugerah “MAJIKAN PRIHATIN PERINGKAT PERSEKUTUAN CUEPACS TAHUN 2025” oleh Jawatankuasa Hari Pekerja CUEPACS.



Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Dato’ Jana Santhiran Muniayan telah mewakili kementerian menerima anugerah tersebut. Sekalung tahniah kepada MOT dan warganya diatas penganugerahan ini semoga MOT sentiasa terus menyumbang jasa serta khidmat bakti kepada masyarakat khususnya penjawat awam serta negara amnya.

LATIHAN KECEMASAN BANGUNAN BAGI OPERASI HAJI TANAH AIR (OHTA)

04 MEI 2025 - Latihan Kecemasan Bangunan bagi Operasi Haji Tanah Air (OHTA) telah dilaksanakan sejak tahun 2019 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan diteruskan di pelbagai lokasi termasuk di Lapangan Terbang Limbang.



Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah berkata, program ini merupakan hasil kerjasama erat antara Malaysia Airports dan Lembaga Tabung Haji bagi menguji keberkesanan pelan tindakan kecemasan serta memastikan kesiapsiagaan petugas Tabung Haji dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan. Latihan ini memberi peluang kepada petugas untuk mengenal pasti aliran pengungsian bangunan, lokasi tempat berkumpul, serta sistem keselamatan kebakaran di lapangan terbang.





MOT MENERIMA SIJIL PENGHARGAAN PERAKAUNAN PENGURUSAN DI SEMINAR PERAKAUNAN PENGURUSAN 2025 : DARIPADA DATA KEPADA PEMBUATAN

06 MEI 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menerima sijil penghargaan Perakaunan Pengurusan di Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 : Daripada Data kepada Pembuatan yang dianjurkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia buat julung kalinya.

MOT yang diwakili oleh YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan MOT menerima sijil ini di atas usaha dedikasi dan komitmen yang telah diberikan oleh MOT dalam pelaksanaan Perakaunan Pengurusan dan menghasilkan analisis data melalui pelaporan SMART. Sekalung tahniah diucapkan, semoga usaha dan komitmen ini dapat diteruskan demi memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan MOT.

MAJLIS PELUNCURAN PELUANG PEKERJAAN PENYERAHAN SURAT TAWARAN PLKI-ECRL BAGI FASA PENGOPERASI DAN PENYELENGGARAAN (O&M) ECRL

06 MEI 2025 - Syarat yang ditetapkan oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dalam usaha memastikan lebih ramai tenaga kerja tempatan terbabit secara langsung dalam fasa operasi dan penyelenggaraan (O&M) projek mega bernilai RM50.3 bilion itu terhasil apabila 80 peratus daripada 1,800 jawatan yang bakal ditawarkan pelbagai peringkat kemahiran, sama ada yang berpengalaman atau baru, bagi memastikan operasi ECRL berjalan lancar dan berkesan akan diisi oleh rakyat Malaysia.



Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka mula beroperasi pada Januari 2027.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2024, JASAMU DIKENANG 2025 DAN PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN MOT

08 MEI 2025 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024, Jasamu Dikenang 2025 dan Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan (MOT) berlangsung hari ini dengan kerjasama strategik bersama Lembaga Pelabuhan Kuantan. Majlis disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan bersama YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha MOT sebagai tanda penghargaan terhadap kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MOT dan Lembaga Pelabuhan Kuantan sepanjang tahun 2024.




Seramai 41 warga MOT menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 manakala 8 pesara dan bakal pesara diraikan melalui segmen Jasamu Dikenang 2025. Pegawai yang memperoleh markah 90% ke atas dalam LNPT turut menerima Sijil Prestasi Cemerlang dan 3 individu diberi Anugerah Khas Menteri atas pencapaian luar biasa sepanjang tahun 2024.

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN SEMULA LANDASAN UNTUK OPERASI PERKHIDMATAN KARGO LALUAN KEMPAS BARU – PASIR GUDANG

09 MEI 2025 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Semula Landasan untuk Operasi Perkhidmatan Kargo laluan Kempas Baru – Pasir Gudang yang sebelum ini ditutup bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pemuliharaan landasan. Laluan strategik sepanjang 39.9 km ini merupakan nadi kepada rantaian bekalan industri di Johor dan menyokong kecekapan operasi pelabuhan. Projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh hanya enam bulan hasil kerjasama erat antara Kementerian Pengangkutan (MOT), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kontraktor tempatan, Puncak Gali Harmoni Sdn. Bhd.





MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS KESEKAPAN & KESELAMATAN JALAN RAYA BIL. 1 TAHUN 2025

13 MEI 2025 - Mesyuarat JK-MKKJR Bil. 1/2025 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri hari ini menekankan kepentingan memperkukuh penggunaan pengangkutan awam sebagai langkah menangani kesesakan lalu lintas, khususnya di Lembah Klang.

Sejajar dengan komitmen ini, kerajaan menyediakan pelbagai mod pengangkutan seperti MRT, LRT, ECRL dan KTMB, disokong pula oleh perkhidmatan tambahan seperti bas, e-hailing dan Rapid On Demand. Inisiatif turut dirancang untuk menambah hentian bas serta memperluas laluan pejalan kaki bagi meningkatkan kemudahan dan aksesibiliti kepada orang awam. Kerajaan MADANI kekal komited mewujudkan jalan raya yang lebih selamat dan efisien melalui pendekatan menyeluruh melibatkan penguatkuasaan, penambahbaikan infrastruktur dan peningkatan kesedaran. Pengaktifan semula Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) turut dijangka memperkukuh usaha ini demi kesejahteraan rakyat.

MOT MENERIMA SIJIL PENGHARGAAN DI BAWAH SEKSYEN II: MITIGASI SWG SEKTOR PENGANGKUTAN


14 MEI 2025 - Majlis Apresiasi dan Hebahan Biennial Transparency Report (BTR1) Pertama Malaysia telah diadakan pada 6 Mei 2025 bertempat di Hotel Sunway Putra. Majlis ini telah dihadiri dan disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad. Majlis ini mencerminkan komitmen negara dalam pelaporan perubahan iklim secara telus dan berintegriti kepada komuniti global.



MOT telah menerima sijil penghargaan di bawah Seksyen II: Mitigasi SWG Sektor Pengangkutan daripada YB Menteri NRES bagi penglibatan secara langsung dalam penyediaan BTR1, sijil penghargaan telah diterima oleh wakil kehadiran MOT iaitu Tuan Mohamad Syakir bin Abu Bakar, Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa. Penyediaan BTR1 mengambil masa selama 8 bulan dengan penglibatan pelbagai Kementerian dan Agensi, dalam usaha menjayakan pelaporan BTR1 Malaysia khususnya bagi perkara berkaitan pengangkutan, sumbangan tenaga dan pandangan daripada Bahagian Darat, Bahagian Udara, Bahagian Maritim serta agensi di bawah MOT.

BENKEL PEMURNIAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN SISPAA

15 MEI 2025 - Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang berhasrat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan menekankan aspek tangkas dan kolaboratif, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (BPA) telah mengadakan Bengkel Pemurnian Sistem Pengurusan Aduan SISPAA Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan penglibatan dari Pegawai Pengurus Aduan dan Pegawai Teknologi Maklumat (ICT) bagi Jabatan/Agensi di bawah MOT.



Bengkel ini adalah bertujuan untuk menambah baik kategori-kategori aduan berdasarkan sumber rujukan utama BPA, membuat pemurnian data kategori aduan dan menjalankan ujian integriti keatas sistem SISPAA MOT dan JPJ bagi memastikan menyelesaikan aduan dilaksanakan dengan cekap, adil dan berkesan serta berdasarkan Piagam Pelanggan BPA.

SESI PERBINCANGAN BAGI PEMBANGUNAN DRAF KOD AMALAN : AKSES KEPADA PERJALANAN REL

27 MEI 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan sesi perbincangan bagi pembangunan draf Kod Amalan: Akses kepada Perjalanan Rel (*Code of Practice: Access to Rail Travel*) bertempat di Hotel Sama-Sama, KLIA, Sepang.



Dokumen ini akan menjadi kerangka panduan dalam mewujudkan stesen rel yang mesra OKU dan warga rentan, menerusi penambahbaikan kemudahan dalam pengoperasian tren, serta menyediakan latihan kepada kakitangan frontliners untuk memberikan sokongan sewajarnya bagi memastikan pengalaman perjalanan yang selesa, lancar dan inklusif. Menggunakan Malaysian Standard MS 1184 dan Akta OKU 2008 sebagai prinsip asas, sesi ini telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pengendali rel seperti KTMB, Prasarana dan MRT Corp, serta wakil-wakil daripada persatuan OKU bagi memastikan setiap pandangan dan keperluan diambil kira secara menyeluruh.





AFRICA AND INDIAN OCEAN (AFI) AVIATION SYMPOSIUM



27-28 MEI 2025 - AFI Aviation Week 2025 merupakan acara tahunan utama yang menghimpunkan para pemimpin dan pemegang taruh industri penerbangan dari seluruh rantau Afrika untuk membincangkan pembangunan, kerjasama dan masa depan industri penerbangan awam di benua tersebut.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan berpeluang menyampaikan Kenyataan Negara dengan menekankan peranan signifikan yang dimainkan oleh Malaysia dalam pembangunan penerbangan awam di peringkat global amnya, dan di benua Afrika khususnya. Beliau juga telah mengambil kesempatan untuk memohon sokongan daripada ahli-ahli African Civil Aviation Commission (AFCAC) bagi pencalonan Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO Kategori III bagi penggal 2025-2028.



MAJLIS PENGANUGERAHAN MALAYSIA STATUS RASMI SEBAGAI RAKAN LOGISTIK GLOBAL LAUT – UDARA OLEH KERAJAAN BAHRAIN

28 MEI 2025 - Kerajaan Bahrain telah menganugerahkan Malaysia status rasmi sebagai Rakan Logistik Global Laut - Udara selaras dengan inisiatif untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara. Majlis penganugerahan ini telah diadakan pada 27 Mei 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dan Sidang Kemuncak Kedua ASEAN-GCC-China yang berlangsung pada 26-27 Mei 2025.



Melalui kerjasama ini, syarikat-syarikat Malaysia berpeluang memohon Trusted Shipper Passport yang akan memberikan akses dan kelancaran operasi di hab logistik pelbagai mod bertaraf dunia di Bahrain. Pencapaian ini merupakan satu langkah penting dalam usaha mengukuhkan pencapaian Malaysia/Asia dalam sektor perdagangan, pelaburan dan pengangkutan, sekaligus menyokong Bahrain sebagai salah satu rakan strategik Malaysia di rantau Asia Barat.

MESYUARAT PASUKAN PETUGAS LOGISTIK KEBANGSAAN (NLTF) BIL. 1 TAHUN 2025

29 MEI 2025 - Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) Bil. 1 Tahun 2025 yang telah dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook hari ini memberi tumpuan kepada cabaran semasa perdagangan global serta usaha memperkukuh daya saing dan kecekapan sektor logistik negara. Mesyuarat turut menilai kemajuan kerjasama antarabangsa, seperti MoU dengan China dan Thailand, serta pelaksanaan inisiatif ASEAN dalam memudah cara pergerakan barangan rentas sempadan.



Hasil daripada pembentangan yang dikemukakan, beberapa langkah penambahbaikan telah diluluskan. Langkah tersebut merangkumi pemberian insentif kepada pengangkut barangan (haulier) yang beroperasi di luar waktu puncak di Pelabuhan Klang.

FORUM ILMUAN MALAYSIA MADANI SIRI 6

04 JUN 2025 - Forum Ilmuan Malaysia MADANI Siri 6 yang bertemakan "Pengangkutan untuk Rakyat: Mengimbangi Antara Kemampuan Rakyat, Kualiti dan Kemampuan Pengangkutan Awam" telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Forum ini yang menegaskan pentingnya pengangkutan awam yang inklusif, efisien dan mampan dalam membentuk negara sejahtera berasaskan nilai Malaysia MADANI.



Antara panel yang turut berkongsi pandangan bernas adalah YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia; En. Azharuddin Mat Sah, Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Malaysia Berhad; dan YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia.





MAJLIS PELANCARAN SELANGOR AERO PARK @ KLIA AEROPOLIS

05 JUN 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah melancarkan Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis yang merupakan projek kerjasama antara Malaysia Airports dan Menteri Besar Selangor (Incorporated) (MBI).



Pembangunan ikonik ini menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan aeroangkasa Malaysia dan ianya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain utama dalam landskap aeroangkasa dan pembuatan berteknologi tinggi di rantau ini. Selangor Aero Park akan menarik pelaburan berimpak tinggi merentasi rantaian bekalan aeroangkasa termasuk kejuruteraan ketepatan, pembuatan berteknologi tinggi dan perkhidmatan logistik bersepadu, di samping berfungsi sebagai hab inovasi, pembangunan bakat dan pemindahan teknologi.

PROGRAM JELAJAH RIA 2.0 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI KERETA API SEDUNIA 2025

12 JUN 2025 - Program Jelajah Ria 2.0 bersempena Sambutan Hari Kereta Api Sedunia 2025 telah dianjurkan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan kerjasama Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).



Seramai 50 orang pelajar Tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah 2, Shah Alam telah menyertai program ini yang bermula seawal jam 6.15 pagi. Para peserta telah dibawa mengikuti siri lawatan ke beberapa lokasi termasuk Stesen LRT Putra Heights, Menara Prasarana, Stesen KL Sentral serta KLIA Terminal 1. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman generasi muda terhadap kepentingan sistem pengangkutan rel negara yang mampan, cekap dan selamat. Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah turut berbesar hati meluangkan masa bersama para peserta sebagai tanda sokongan Kementerian Pengangkutan terhadap penganjuran program seumpama ini.

PENGUMUMAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN SPEED LIMITATION DEVICE (SLD) SECARA BERPERINGKAT BAGI SEMUA KENDERAAN PERDAGANGAN

13 JUN 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menguatkuasakan penggunaan *Speed Limitation Device* (SLD) ke atas kenderaan perdagangan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan maut. SLD ialah peranti yang mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan, khususnya bagi kenderaan berat dan membawa penumpang.




PENGANJURAN LOGISTICS UNBOXED: EMPOWERING WORKFORCE BEYOND BORDERS SEMENA MINGGU LATIHAN KEBANGSAAN (NTW) 2025

17 JUN 2025 - Malaysia meneruskan langkah sebagai peneraju pembangunan tenaga kerja serantau melalui penganjuran *Logistics Unboxed: Empowering Workforce Beyond Borders* sempena Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2025, anjuran HRD Corp dan Infinity Logistics, selaras dengan ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025. Lebih 300 peserta dari ASEAN menyertai sesi berimpak tinggi yang menetengahkan topik utama dalam transformasi logistik dan rantaian bekalan, termasuk digitalisasi, automasi, sistem rel serantau, pelabuan generasi baharu dan logistik hijau.



YBhg Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, yang berkongsi pendekatan strategik kerjasama pembangunan modal insan dan sektor logistik. Malaysia menzahirkan komitmen untuk memimpin pembangunan tenaga kerja yang inovatif dan berdaya tahan di rantau ASEAN.





KURSUS KHAS MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (MPGIA) PERINGKAT MOT TAHUN 2025

13 MEI 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Unit Integriti (UI) telah menganjurkan Kursus Khas Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2025 selama tiga hari bertempat di Felda Residence Hot Springs, Perak, yang melibatkan penyertaan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional MOT.

Antara objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan usaha-usaha pemantapan governans, integriti serta antirasuah dalam perkhidmatan awam. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada metodologi terbaik dalam menangani isu-isu governans, integriti dan rasuah secara berkesan. Sepanjang kursus ini, peserta telah berpeluang mengikuti sesi ceramah dan aktiviti yang dikendalikan oleh penceramah bertauliah dari Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

KURSUS KEMAHIRAN INTERPERSONAL DAN KORPORAT 2025

20-22 JUN 2025 - Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian Pengangkutan Malaysia menganjurkan Kursus Kemahiran Interpersonal dan Korporat 2025 khusus untuk Pegawai Penyelaras Media, Pegawai Komunikasi Strategik dan Pegawai Perhubungan Awam MOT.



Kursus ini bertujuan memperkasa kemahiran pegawai dalam teknik penulisan persuasif, pemilihan ayat yang tepat, pengucapan awam serta pengurusan komunikasi strategik secara berkesan dan profesional. Seramai 15 pegawai UKK telah menyertai kursus ini yang diadakan sebagai usaha berterusan memperkukuh penyampaian maklumat dan perkhidmatan komunikasi kementerian kepada rakyat.

MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN EV KHAS E-HAILING DAN EV LOUNGE PERTAMA

24 JUN 2025 - Menuju mobiliti hijau! YB Menteri Pengangkutan bersama Grab Malaysia melancarkan perkhidmatan EV khas e-hailing dan EV Lounge pertama di KLIA. Langkah proaktif ke arah pengangkutan lebih lestari.



MAJLIS PELANCARAN TRANSPORT EXPO ASIA (TXA) 2025

24 JUN 2025 - Inisiatif strategik Kementerian Pengangkutan ini menghimpunkan pemain industri, penggubal dasar, penyelidik dan penyedia teknologi dalam ekosistem yang menyokong hala tuju negara dalam sektor pengangkutan dan logistik.



Imbas Kod QR ini untuk maklumat lanjut



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)



AUDIT AKSESIBILITI SIRI 1 TAHUN 2025

24 JUN 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR), telah melaksanakan Audit Aksesibiliti Siri 1/2025 pada 23 dan 24 Jun 2025, bertempat di Terminal Meru Raya dan Stesen KTM Ipoh. Audit ini merupakan inisiatif MOT selaku peneraju Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MBOKU), bagi menilai tahap pematuhan rekabentuk hab-hab pengangkutan awam terhadap Malaysian Standard MS 1184:2014 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Penemuan daripada audit ini akan disertakan dengan cadangan penambahbaikan untuk mempertingkatkan kebolehsampaiannya serta penyediaan kemudahan yang lebih mesra kepada golongan rentan, khususnya warga OKU. Audit ini juga merupakan yang pertama dilaksanakan di negeri Perak, dengan penglibatan pelbagai pemegang taruh termasuk persatuan-persatuan OKU serta wakil dari APAD, JKT, JKM dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

PROGRAM BACAAN MATHURAT, YASIN DAN CERAMAH ILMU TANPA NOKTAH “JIWA TIDAK GOYAH”

26 JUN 2025 - Program Bacaan Mathurat, Yasin dan Ceramah Ilmu Tanpa Noktah “Jiwa Tidak Goyah” yang merupakan program anjuran Masjid Tuanke Mizan Zainal Abidin dengan kerjasama Unit Integriti Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Bahagian Integriti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Surau Wizaratun Naqli serta disokong oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan di Surau Wizaratun Naqli MOT.



Ceramah telah disampaikan oleh Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali Adnan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, yang menekankan kepentingan membudayakan al-Quran sebagai panduan ilmu, iman dan amalan dalam kehidupan. Beliau menyeru agar warga kerja sentiasa menjadikan ilmu sebagai panduan tanpa noktah, agar jiwa kekal utuh dan prinsip integriti terus terpahat dalam perkhidmatan selaras dengan semangat “Jiwa Tidak Goyah” yang diangkat dalam majlis ini.

KURSUS APLIKASI AI DALAM PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

24-26 JUN 2025 - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian Pengangkutan (MOT), dengan kerjasama strategik daripada Selangor Human Resource Development Center (SHRDC), telah berjaya menganjurkan Kursus Aplikasi AI dalam Pengangkutan di Malaysia, yang berlangsung di Shah Alam, Selangor. Kursus ini disertai oleh 30 pegawai daripada MOT, jabatan serta agensi berkaitan.



Sepanjang tempoh tersebut, para peserta menerima pendedahan mendalam mengenai pelbagai aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam sektor pengangkutan. Kandungan kursus merangkumi aspek teori berkaitan AI, sesi perbincangan interaktif dan penerapan praktikal teknologi AI dalam situasi sebenar.

MAJLIS PENGENALAN TREN PERTAMA RTS LINK JOHOR BAHRU–SINGAPURA

30 JUN 2025 - Satu detik bersejarah tercipta apabila tren pertama RTS Link Johor Bahru–Singapura diperkenalkan secara rasmi di Singapore Rail Test Centre (SRTC). Majlis ini disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia; Encik Jeffrey Siow, Pemangku Menteri Pengangkutan Singapura; serta YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, sebagai simbol kerjasama erat antara Malaysia dan Singapura dalam merealisasikan sistem pengangkutan rentas sempadan yang moden, efisien dan berdaya saing.



Setiap tren RTS Link terdiri daripada empat gerabak dan mampu membawa lebih 600 penumpang pada satu masa. Apabila beroperasi sepenuhnya kelak, sistem ini dijangka dapat mencapai kapasiti sehingga 10,000 penumpang sejam bagi setiap arah. Sehingga kini, kerja-kerja pemasangan sistem rel sedang berjalan lancar dengan kemajuan sekitar 56 peratus daripada keseluruhan skop projek.



SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



07 JANUARI 2025 (SELASA) | SEREMBAN

Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah menjalankan lawatan khas ke Firama Engineering Berhad, sebuah syarikat kejuruteraan yang berpengalaman khususnya dalam bidang reka bentuk dan pembinaan treler yang berkualiti tinggi.



07 JANUARI 2025 (SELASA) | SEREMBAN

Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah menjalankan lawatan khas ke HINO Total Support Customer Centre (HTSCC), Lembah Teknologi Sendayan.



8 JANUARI 2025 (RABU) | PUTRAJAYA

Kunjungan hormat delegasi Chennai Port Authority, India yang diketuai oleh En. Sunil Paliwal, Pengerusi Chennai Port Authority merangkap Pengerusi Indian Ports Association.

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



10 JANUARI 2025 (JUMAAT) | PULAU PINANG

Sesi Town Hall YBhg. Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan bersama warga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).



27 JANUARI 2025 (ISNIN) | KAJANG

Sesi Lawatan YBhg. Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan ke MIROS dan Town Hall bersama warga MIROS.



18 FEBRUARI 2025 (SELASA) | KUALA LUMPUR

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh Duta Sweden Ke Malaysia, TYT Niklas Wiberg.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS) | KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan telah menerima kunjungan hormat daripada Ms. Azhar Jaimurzina Ducrest, Ketua Bahagian Kesalinghubungan Pengangkutan dan Logistik, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (UNESCAP) dan Mr.. Sandeep Jain, Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, Bahagian Pengangkutan dan Ketersambungan Logistik, UNESCAP.



04 MAC 2025 (SELASA) | GOMBAK, SELANGOR

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Terminal Bersepadu Gombak (TBG) untuk meninjau kesiapsiagaan operasi TBG dan ketersambungan (interconnectivity) infrastruktur TBG dengan Stesen LRT Gombak dan Stesen ECRL Gombak.



10 MAC 2025 (ISNIN) | KEPONG, KUALA LUMPUR

YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Bufori Motor Car Company (M) Sdn Bhd di Kepong, Kuala Lumpur.

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



23 MAC 2025 (AHAD) | SEGAMAT, JOHOR

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook meninjau Stesen Keretapi Segamat dan mengumumkan pembinaan laluan pejalan kaki menghubungkan stesen dengan Terminal Bas Segamat.



24 MAC 2025 (ISNIN) | ALOR SETAR, KEDAH & PADANG BESAR, PERLIS

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja ke Padang Besar dan Alor Setar menegaskan komitmen Kementerian dalam memperkukuh keselamatan dan kelancaran perkhidmatan rel di Utara, termasuk menangani isu kecurian kabel dengan kerjasama PDRM dan agensi berkaitan.



28 MAC 2025 (JUMAAT) | JOHOR BAHRU

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan menghadiri Sesi Perbincangan Masterplan Penyuraian Trafik Negeri Johor Bil. 2/2025 yang dipengerusikan oleh YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



11 APRIL 2025 (JUMAAT) | KUANTAN, PAHANG

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan MOT telah mengadakan lawatan kerja ke Pelabuhan Kuantan, Pahang.



25 APRIL 2025 (JUMAAT) | BATU GAJAH, PERAK

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Depoh Batu Gajah, Perak bagi melihat fasiliti dan kemudahan tren ETS generasi ketiga (ETS3) oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).



03 MEI 2025 (SABTU) | BANGKOK, THAILAND

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan mengadakan lawatan kerja ke Bangkok untuk bertemu dengan H.E. Suriya Juangroongruangkit, Menteri Pengangkutan merangkap Timbalan Perdana Menteri Thailand, bagi memperkukuh kerjasama dua hala dalam sektor pengangkutan.

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



25 MEI 2025 (AHAD) | KUALA LUMPUR

Kunjungan hormat oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone dan delegasi ke Ibu Pejabat Korporat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 di Kuala Lumpur.



28 MEI 2025 (RABU) | KUCHING, SARAWAK

Timbalan Menteri, Kementerian Pengangkutan (MOT), YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.



10 JUN 2025 (SELASA) | PULAU PINANG

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha MOT telah dibawa untuk melawat Menara Kawalan VTMS.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



10 JUN 2025 (SELASA) | PULAU PINANG

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan serta YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniyan, Ketua Setiausaha MOT telah menerima taklimat terperinci mengenai Rancangan Pembangunan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU).



16 JUN 2025 (SABTU) | SEMENYIH, SELANGOR

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mempengerusikan lawatan teknikal Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa ke Car Medic Sdn. Bhd. (Car Medic), sebuah fasiliti pelupusan kenderaan yang diiktiraf sebagai Authorised Automotive Treatment Facility (AATF) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).



21 JUN 2025 (SABTU) | SEPANG, SELANGOR

Pratonton Aerotrain baharu bersama media di KLIA bersama Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan Pengarah Urusan Malaysia Airports, YBhg. Dato' Mohd Izani Ghani, bersempena fasa ujian akhir.

SESI SIDANG MEDIA & SESI MENANDATANGANI KONTRAK / MEMORANDUM MELIBATKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



13 JANUARI 2025 (ISNIN) | KUALA LUMPUR

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyaksikan sesi menandatangani Kontrak Utama Awam 1 antara Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dengan SRS Consortium Sdn Bhd (SRS Consortium).



15 JANUARI 2025 (RABU) | PUTRAJAYA

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mengadakan Sidang Media Mengenai Prestasi Trafik Penumpang Dan Kargo Malaysia Bagi Tahun 2024 Serta Unjuran Bagi Tahun 2025 bertempat di Bangunan Kementerian Pengangkutan (MOT).



23 JANUARI 2025 (KHAMIS) | IPOH, PERAK

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan telah menyaksikan Sesi Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) kerjasama dalam membangunkan Ipoh Sentral.



SESI SIDANG MEDIA & SESI MENANDATANGANI KONTRAK / MEMORANDUM MELIBATKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



07 FEBRUARI 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

Sesi sidang media pelantikan tiga (3) syarikat baharu bagi melaksanakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) selain daripada PUSPAKOM.



13 FEBRUARI 2025 (KHAMIS) | JOHOR BAHRU

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyaksikan Sesi Menandatangani Perjanjian Usahasama Bagi Pembangunan Hartanah Di Bukit Chagar.



21 MAC 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyaksikan Sesi Pertukaran Dokumen bagi Tempahan Penggantian Pesawat Badan oleh Malaysia Aviation Group.

SESI SIDANG MEDIA & SESI MENANDATANGANI KONTRAK / MEMORANDUM MELIBATKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



24 MAC 2025 (ISNIN) | PADANG BESAR, PERLIS

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah menyaksikan Sesi Menandatangani Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan Antara KTMB dan Inland Port Perlis Sdn Bhd.



08 MEI 2025 (KHAMIS) | SEREMBAN

YB Loke Siew Fook Menteri Pengangkutan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Bagi Pembangunan Berorientasikan Transit Seremban Sentral.



10 JUN 2025 (JUMAAT) | PULAU PINANG

Sidang Media Tinjauan Operasi Perkhidmatan Rapid Penang On-Demand oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)

SESI SIDANG MEDIA & SESI MENANDATANGANI KONTRAK / MEMORANDUM MELIBATKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)




11 JUN 2025 (RABU) | KUALA LUMPUR

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi melalui Jurucakap Kerajaan, Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil telah memberikan maklumbalas berkenaan insiden kemalangan bas yang melibatkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



23 JUN 2025 (KHAMIS) | PUTRAJAYA

Sesi Sidang Media Rasionalisasi Peralihan Fungsi MAVCOM Kepada CAAM.



25 JUN 2025 (RABU) | PUTRAJAYA

Kementerian Pengangkutan melalui JPJ umum senarai syarikat pengendali kenderaan barangan bas ekspres dengan jumlah saman tertinggi di bawah Akta 333, 334 & 715.

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA



14 JANUARI 2025 (SELASA) | SELAYANG, SELANGOR

YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan (MOT) telah merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya AMI-Suzuki 2025 di Dataran Ilmu, Stadium Selayang anjuran Suzuki Malaysia Sdn. Bhd. dengan kerjasama Persatuan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MMSDA).



18-19 FEBRUARI 2025 | MARRAKECH, MAGHRIBI

Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) meneruskan penyertaan dalam 4th Ministerial Conference on Road Safety.



18 MAC 2025 (KHAMIS) | JERANTUT, PAHANG

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah merasmikan Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & SAMBUTAN PERAYAAN



24 JANUARI 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

Majlis Penyampaian Sumbangan Limau Mandarin Kepada Warga MOT, Jabatan Dan Agensi
Sempena Tahun Baharu Cina 2025



25 JANUARI 2025 (SABTU) | KUALA LUMPUR

Majlis Edaran Pek Cenderahati Kepada Pengguna Perkhidmatan KTMB Sempena Tahun Baharu Cina



26 JAN 2025 (AHAD) | SEPANG, SELANGOR

Majlis Pelepasan Penerbangan Tambahan Malaysia Airlines Ke Tawau Dan Sandakan, Sabah
Sempena Tahun Baharu Cina

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & SAMBUTAN PERAYAAN (sambungan...)



04 FEBRUARI 2025 (SELASA) | BATU CAVES, SELANGOR

Majlis Inisiatif Perkhidmatan Tambahan Pengangkutan Awam Sempena Sambutan Thaipusam bagi tahun 2025.



26 FEBRUARI 2025 (RABU) | SEPANG, SELANGOR

AirAsia Menawarkan Lebih 90 Penerbangan Lewat Malam Pada Tambang Tetap Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025.



28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

Warga Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menerima sumbangan kurma sempena Sambutan Bulan Ramadan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & SAMBUTAN PERAYAAN (sambungan...)



10 MAC 2025 (ISNIN) | PETALING JAYA, SELANGOR

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan (MOT) telah hadir menyantuni kira- kira 650 warga kerja Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad yang terdiri daripada Rapid Bas, Rapid Rail, Divisyen Korporat dan Polis Bantuan daripada Jabatan Sekuriti di Menara Prasarana Malaysia Berhad.



11 MAC 2025 (SELASA) | SEMENYIH, SELANGOR

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan (MOT) berkesempatan menyantuni anggota dan pegawai JPJ yang bertugas di dalam operasi khas kenderaan serta mengagihkan kurma kepada pengguna jalan raya di hadapan Stesen Jambatan Timbang JPJ Semenyih



13 MAC 2025 (RABU) | PUTRAJAYA

Kementerian Pengangkutan (MOT) hari ini menyemarakkan keberkatan Ramadan melalui Program Ihya' Ramadan MOT 2025 dengan meneruskan tradisi Majlis Penyampaian Bubur Lambuk kepada warga Kementerian.

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & SAMBUTAN PERAYAAN (sambungan...)



21 MAC 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT) anjuran Surau Wizaratun Naqli MOT dengan kerjasama PUSPANITA MOT.



23 MAC 2025 (AHAD) | KUALA LUMPUR

KTMB mengedarkan 1,000 pek cenderahati kepada penumpang ETS sempena Hari Raya Aidilfitri 2025, disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.



25 MAC 2025 (SELASA) | PELABUHAN KLANG, SELANGOR

Majlis Penyerahan Bingkisan Kuih Raya anjuran Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL) sebagai salah satu usaha untuk menghargai jasa dan pengorbanan para pelaut yang bertugas di laut semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM INISIATIF & SAMBUTAN PERAYAAN (sambungan...)



29 MAC 2025 (SABTU) | SEPANG, SELANGOR

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook hadir di KLIA T1 dan T2 untuk menghantar dan mengucapkan selamat jalan serta mengagihkan beg cenderahati kepada para penumpas sempena penambahan penerbangan serta memperkenalkan tambang tetap bagi memudahkan perjalanan Hari Raya Aidilfitri 2025.



22 APRIL 2025 (SELASA) | PUTRAJAYA

Warga Kementerian Pengangkutan (MOT) hadir ke Perhimpunan Bulanan April dan dalam masa yang sama turut meraikan Majlis Raikan Kasih Madani MOT yang merupakan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri 2025 MOT.



27 JUN 2025 (AHAD) | KUALA LUMPUR

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menyertai Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di MITEC.

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM PROGRAM MADANI RAKYAT 2025



09 - 11 MEI 2024
Dataran Majlis Perbandaran Tawau
Tawau, Sabah



15 - 17 OGOS 2024
Lumut Waterfront,
Lumut, Perak Darul Ridzuan




www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

PENGANGKUTAN DARAT

JALAN RAYA



Pendaftaran
Kenderaan Baharu
Q1 2025 : 380,738
Q1 2024 : 384,775

Pendaftaran Kenderaan
Terkumpul
Q1 2025 : 38,695,963
Q1 2024 : 36,805,712

3 Jenis Kenderaan Pendaftaran
Kenderaan Baharu Utama

01 Motokar



Q1 2025 : 196,992
Q1 2024 : 209,941

02 Motosikal



Q1 2025 : 171,531
Q1 2024 : 159,265

03 Kenderaan Barangan



Q1 2025 : 6,431
Q1 2024 : 9,010

REL

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Rel



↑ 10.7%

Q1 2025 : 85,877,222
Q1 2024 : 77,600,201


Jumlah Kendalian
Kargo ('000 Ton)*



↓ 10.2%

Q1 2025 : 1,332
Q1 2024 : 1,483

Jumlah Kendalian
Kontena (TEUs)*



↓ 19.4%

Q1 2025 : 117,328
Q1 2024 : 145,487

PENGANGKUTAN MARITIM

Jumlah Kendalian Kargo
di Pelabuhan ('000 FWT)



↓ 5.8%

Q1 2025 : 145,056
Q1 2024 : 154,018

Jumlah Kendalian Kontena
di Pelabuhan (TEUs)



↑ 4.8%

Q1 2025 : 7,629,848
Q1 2024 : 7,283,277

PENGANGKUTAN UDARA

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Udara



↑ 11.8%

Q1 2025 : 25,240,016
Q1 2024 : 22,580,995

Jumlah Kendalian
Kargo (Metrik Ton)



↑ 5.4%

Q1 2025 : 257,414
Q1 2024 : 244,213

Nota : *Dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Terima kasih

atas sokongan anda dalam menjayakan pelbagai inisiatif dan program sepanjang Januari hingga Jun 2025.

Kementerian Pengangkutan Malaysia komited menerajui ekosistem pengangkutan negara ke arah sistem yang lebih selamat, lestari dan inklusif selaras dengan agenda MADANI.

Teruskan bersama kami dalam perjalanan seterusnya.



**“Pengangkutan MADANI,
Mobiliti Rakyat, Negara Lestari”**

#MOTMADANI #PengangkutanUntukRakyat

www.mot.gov.my

[motmalaysia](https://www.facebook.com/motmalaysia) [ministryoftransportmy](https://www.instagram.com/ministryoftransportmy)

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara
Sustainable Transport The Heart Of National Development